



SEKOLAH BERASRAMA PENUH BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2019
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

Kertas 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan, Kementerian Pelajaran Malaysia**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Markah penuh: 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
- (b) Bahasa - 10 markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - nama khas
 - perkataan berulang
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/ Kesimpulan											2
	Jumlah Markah										20

Soalan 1: Rumusan

Pendahuluan (2 markah)

- P1 **Petikan** membincangkan **manfaat/ kelebihan/ keistimewaan/kebaikan** penggunaan dron dalam pengurusan hutan **di Malaysia/di negara ini.** [2m]
- P2 **Petikan** membincangkan **manfaat/ kelebihan/ keistimewaan/kebaikan** penggunaan dron dalam pengurusan hutan dan kekangan-kekangan dalam penggunaan dron. [2m]
- P3 **Rumusan** membincangkan **manfaat/kelebihan/keistimewaan/kebaikan** penggunaan dron dalam pengurusan hutan dan kekangan-kekangan dalam penggunaan dron. [2m]
- P4 **Rumusan** membincangkan **manfaat/ kelebihan/ keistimewaan/kebaikan** penggunaan dron dalam pengurusan hutan. [1m]
- P5 **Petikan** membincangkan **manfaat/ kelebihan/ keistimewaan/kebaikan** penggunaan dron dalam pengurusan hutan dan kekangan-kekangan dalam penggunaan dron. [1m]
- P6 **Petikan** membincangkan **faedah-faedah** penggunaan dron dalam pengurusan hutan. [0m]
- P7 **Rumusan** membincangkan **faedah-faedah** penggunaan dron dalam pengurusan hutan. [0m]

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

Faedah-faedah penggunaan dron dalam pengurusan hutan

- S1 dapat diubah suai daripada pelbagai aspek untuk membantu memberikan hasil yang terbaik [2m]
- S2 mampu bergerak dengan jarak yang laju dan jauh [2m]
- S3 memantau aktiviti kawasan hutan dengan lebih sistematik dan berkesan [2m]
- S4 membolehkan gambar kawasan hutan yang diambil diolah menjadi data pelbagai guna [2m]
- S5 membantu kajian pemantauan aktiviti pembalakan dan kajian keadaan status kesihatan hutan [2m]
- S6 dapat membantu perolehan data untuk pemetaan yang lebih jitu [2m]
- S7 penggunaan tenaga kerja dalam bidang perhutanan dapat diminimumkan [2m]
- S8 mampu bergerak jauh dan tempoh penerbangannya lama [2m]
- S9 dapat menjimatkan kos dalam jangka masa yang panjang [2m]

Isi Tersirat [4 hingga 8 markah]

Cara-cara untuk menggalakkan penggunaan dron

- T1 Mengadakan kursus/ latihan/ bengkel / demonstrasi penggunaan dron. [2m]
- T2 Harga yang berpatutan di pasaran. [2m]
- T3 Kerajaan menyediakan dana / peruntukan. [2m]
- T4 Memperbanyak pusat penyelenggaraan dron/ servis. [2m]
- T5 Menubuhkan kelab dron. [2m]
- T6 Mempelbagai aplikasi penggunaan dron. [2m]

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Kesimpulan

- K1 **Kesimpulannya**, semua pihak perlu bijak menggunakan dron dalam pengurusan hutan supaya / agar kehidupan manusia lebih efisien. [2m]
- K2 **Kesimpulannya**, semua pihak perlu bijak menggunakan dron dalam pengurusan hutan. [1m]
- K3 **Kesimpulannya**, semua pihak perlu bijak menggunakan dron. [0m]

(Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima)

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 8	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/ tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan/ ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 5	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota:

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : 9 markah

Soalan 2(b) : 9 markah

Soalan 2(c) : 8 markah

Soalan 2(d) : 9 markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/ sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup	1
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis.	3
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum

(i) Maksud

P1 ditambahkan peralatan	2
P2 ditambahkan perkakasan	1
P3 ditingkatkan peralatan	1

[Maksimum:2 markah]

(ii) Masalah-masalah

P1 keadaan keliling Kawasan perlu diambil kira	1
P2 mengenal pasti keadaan awan, cuaca	1
P3 memerlukan kawasan untuk berlepas dan mendarat	1

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Fungsi-fungsi

P1 mencari dan menyelamatkan	1
P2 pengawasan trafik dan cuaca	1
P3 hobi / mengisi masa lapang	1
P4 bantuan memadamkan kebakaran	1
P5 penghantaran barang	1
P6 promosi perniagaan / iklan	1
(fungsi negatif tidak diterima)	

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 2 (b) : Cerpen

(i) Perkara yang difikirkan

P1	Sesuatu yang boleh dijadikan kenang-kenangan	1
P2	Sesuatu yang sesuai dengan taraf intelektual	1
P3	Sesuatu yang sesuai dengan minat	1
P4	Menetapkan anggaran harga maksimum sekitar USD40	1

[Maksimum:2 markah]

(ii) Persediaan-persediaan

P1	Mempelajari bahasa	1
P2	Mengetahui kadar pertukaran wang	1
P3	Memilih agensi pelancongan yang berdaftar	1
P4	Mengkaji cuaca / iklim	1
P5	Menyediakan segala keperluan yang penting seperti pasport, pakaian, insurans dan sebagainya	1

(Faktor yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]
[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Pengajaran dalam petikan

- P1 Kita hendaklah mengenang jasa orang lain.** [1+1]
Aku hendak membelikan cenderamata untuk pensyarah-pensyarah yang banyak berjasa membimbingnya semasa melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana.
- P2 Kita hendaklah merancang perbelanjaan ketika berbelanja/ berjimat cermat.** [1+1]
Aku menetapkan anggaran harga maksimum sekitar USD40 untuk membeli cenderamata kepada para pensyarahnya.
- P3 Kita perlu bersederhana dalam kehidupan seharian** [1+1]
Aku tidak kisah walaupun cenderamata untuk dirinya hanyalah barang-barang yang diperoleh dari hotel seperti botol syampu,botol sabun, mancis dan lain-lain.

Pengajaran dalam keseluruhan cerpen

- K1 Kita hendaklah berjimat cermat dalam urusan perbelanjaan seharian.** [1+1]
Aku membeli cenderamata untuk keluarga sebanyak 29 helai baju T, 2 helai untuk keluarga Anim, masing-masing sehelai untuk Tahrir, Nadia dan Salleh.
- K2 Kita hendaklah bersikap pemurah terhadap orang yang kurang berkemampuan.** [1+1]
Aku begitu bermurah hati dengan memberikan wang sebanyak lima Lira kepada wanita

tua yang menjual makanan burung walaupun harga sepiring hanya satu Lira serta ikhlas memberi derma kepada pengemis seperti pengait benang, kanak-kanak bersama-sama datuknya yang buta serta lelaki tua yang cacat anggotanya.

K3 Kita hendaklah bersikap peramah terhadap pelanggan atau orang lain. [1+1]

Pekedai Turki gigih memberikan layanan yang mesra kepada pelanggannya dengan memberikan layanan yang baik serta memberikan minuman percuma kepada pelanggannya.

K4 Kita hendaklah cinta akan haiwan yang dilindungi agar habitatnya tidak pupus. [1+1]

Aku begitu prihatin terhadap haiwan seperti kijang kerana dia berhasrat untuk memberikan wang hasil jualan jaket kulit kijang kepada mana-mana zoo yang mempunyai kandang kijang.

(Pengajaran yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

**[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup: 2 isi (P + H)]**

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional

(i) Maksud

- P1 diceraikan oleh sultan/Sultan Muzaffar Syah [2m]
P2 ditalak oleh sultan/Sultan Muzaffar Syah [1m]
P3 diceraikan oleh baginda [1m]

[Maksimum 2 markah]

(ii) Tindakan

- P1 menceraikan Tun Kudu
P2 menghantar Tun Kudu ke rumah Paduka Raja
P3 memberi Tun Kudu wang belanja
P4 meminta Tun Kudu bersedia untuk berkahwin dengan Seri Nara Diraja

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Sebab

- P1 Tun Kudu mempunyai kedudukan yang tinggi/isteri, kepada Duli Yang Dipertuan
P2 Tun Kudu seorang yang cantik dan jelita
P3 Tun Kudu jauh lebih muda berbanding Seri Nara Diraja
P4 Pengiktirafan sultan kepadanya
P5 Seri Nara Diraja sudah lama menyimpan perasaan terhadap Tun Kudu
P6 Tun Kudu ialah saudara Paduka Raja

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

Soalan 2(d) : Puisi Tradisional

(i) Sebab

- P1 berasa kesepian
- P2 kehidupan yang tidak berubah
- P3 tiada sesiapa yang datang menziarah atau menjenguk

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Sebab-sebab

- P1 tinggal berjauhan dengan ibu bapa
- P2 kos sara hidup yang semakin tinggi
- P3 sibuk dengan kerjaya
- P4 sibuk menguruskan hal keluarga sendiri

(Jawapan lain boleh diterima)

[Isi cukup: 2 isi]

[Maksimum: 3 markah]

(iii) Persoalan

Rangkap 2 :

P1 Persoalan nasib warga tua yang dipinggirkan oleh anak-anak. [1+1]

Contoh: Anak-anak tidak sanggup menjaga ibu bapa yang sudah tua.

P2 Persoalan pengorbanan ibu bapa terhadap anak-anak. [1+1]

Contoh: Penulis berasa kecewa terhadap anak-anak yang melupakan ibu yang mengandungkannya.

sRangkap 3 :

iP1 Persoalan harapan ibu bapa terhadap anak-anak. [1+1]

Contoh: Penulis berharap agar anak-anaknya insaf akan kesilapan yang telah dilakukan.

P2 Persoalan tentang hidup dan mati adalah ketentuan Tuhan. [1+1]

Contoh: Penulis mengingatkan setiap yang bernyawa akan mati dan tiada yang kekal abadi.

[Isi cukup: 2 isi (P+H)]

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
4. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
5. Jika kedua-dua perkataan dibina dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
6. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
7. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
8. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.

Jawapan

3(a) Bina ayat

- (i) **tulis** - 1. mencatat kata-kata dgn huruf dan memakai pena (kalam, kapur, pensel, dll), menyurat: pd masa kanak-kanak berada di dlm darjah satu, mereka mulai belajar ~; 2. melahirkan perasaan (fikiran dll) dgn catatan yg memakai huruf, membuat surat, mengarang: tiada empat orang dlm negeri ini yg tahu ~ spt tuan ini; jika yg ditulis olehnya berlawanan dgn yg sebenarnya sudah tentu ia akan merupakan racun yg amat berbahaya; 3. sl membuat gambar, menggambar, melukis: laksana gambar baru ditulis; 4. membuat kain batik (dgn tangan), membatik;
- (ii) **penulisan** - perihal atau kegiatan dsb menulis (mengarang dll), hasil drpd menulis (mengarang dll): dlm usaha meringankan hikayat ini saya telah mengikuti gaya ~ yg asal; versi 1965 ialah ~ kembali teori asal dgn beberapa pindaan dan tambahan;
- (iii) **tetap** - 1. selalu berada di tempatnya, tidak berpindah-pindah, tidak bergerak, tidak berganjak: di dlm kursus sains ini kelak kita akan menemui benda-benda hidup yg tinggal ~ tidak bergerak beberapa lama; 2. tidak utk sementara: jawatan ini adalah ~ dan berpuisi; 3. tidak putus-putus, terus-menerus, selalu: dunia masih ~ berharap bahawa segala kejayaan Rusia di angkasa lepas itu hendaknya benar-benar dilakukan utk tujuan-tujuan damai; 4. tidak berkesudahan, kekal selama-lamanya, lestari, abadi: kita di dunia

ini tidak akan ~ , mati juga akhirnya; 5. tidak berubah-ubah (keadaannya dll), selalu demikian halnya dll, sama (keadaannya) : harga getah dan timah bergantung pd. pasaran dunia dan oleh sebab itu tidak ~; 6. sudah pasti, tentu, mesti: gedung itu ~ akan dirasmikan pd hari itu; 7. teguh berpegang pd (pendirian, kepercayaan, keyakinannya, dll): dia ~ tidak mahu berdamai; 8. tidak berubah lagi (niat, keputusan, dll): niatnya utk menunaikan fardu haji sudah ~; ~ hati teguh hati, tabah hati;

- (iv) **penetapan** - 1. perihal menetapkan, pemastian, penentuan: ~ bahasa Melayu sbg Bahasa Kebangsaan; 2. perihal menetapkan (harga, keadaan, dsb); 3. pelantikan (jawatan dll), pengangkatan; 4. pelaksanaan (kewajiban dll), penunaian (janji dll); 5. keputusan (pendapat dll)
- (v) **tampal** - 1. perca kain dll yg dilekatkan (dijahitkan) utk menutup barang yg koyak: ~ itu mesti menutup bahagian yg nipis di sekeliling tempat yg koyak; 2. benda yg dilekatkan, lepa, turap, plaster, pelekat;
- (vi) **penampalan** - perbuatan (kerja dsb) menampal;

[6 markah]

3(b) Mencerakinkan ayat majmuk kepada dua ayat tunggal.

- (i) Kedua-dua orang mempelai tersebut ke pelamin *lalu* duduk bersanding.
Kedua-dua orang mempelai tersebut ke pelamin.
Kedua-dua orang mempelai tersebut duduk bersanding.
- (ii) Ribut taufan *yang* melanda negara itu amat dahsyat sekali.
Ribut taufan melanda negara itu.
Ribut taufan amat dahsyat sekali.
- (iii) Bunyi enjin kereta lumba itu sangat kuat *sehingga* memekakkan telinga.
Bunyi enjin kereta lumba itu sangat kuat.
Bunyi enjin kereta lumba itu memekakkan telinga.

[6 markah]

3(c) Kesalahan ejaan dan imbuhan

Kesalahan ejaan

- (i) aturcara - atur cara
- (ii) taksub - taasub
- (iii) mendaagnosis - mendiagnosis

Kesalahan imbuhan

- (i) penganjuran - penganjur
- (ii) dibanggakan - berbangga
- (iii) perundingan - perunding

[6 markah]

3(d) Kesalahan istilah atau kata dan tatabahasa

- (i) diguna semula - dikitar semula
- di dalam - dalam
- (ii) bahagian - sektor/bidang
- yang mereka harus pikul - yang harus dipikul oleh mereka
- (iii) diserapkan - diterapkan
- dengan - yang

[6 markah]

3(e) Peribahasa

- (i) Seperti kacang lupakan kulit
- (ii) Indah khabar daripada rupa
- (iii) Bagai menatang minyak yang penuh

[6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Soalan 4 – Novel [15 markah]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4(a) – 7 markah

- (i) Jawapan berdasarkan **sebuah** novel yang dikaji.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri **1 markah** bagi setiap **peristiwa yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca.**
- (iv) Beri **1 markah** bagi **sebab.**
- (v) Markah isi, maksimum 4 markah.
- (vi) Markah bahasa, maksimum 3 markah
- (vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.

[Maksimum: 7 markah]

Novel Silir Daksina

1. **Peristiwa Abdullah bin Kayan meneruskan tugasnya mengembangkan warisan budaya di kampungnya walaupun menghidap penyakit berbahaya.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar tabah menghadapi dugaan Tuhan demi memperjuangkan seni budaya.
2. **Peristiwa Tauke Ong menyerahkan wang simpanan hasil jualan buah kelapa sawit dari kebun kelapa sawit arwah ayah Haiqal kepada Haiqal semasa Haiqal pulang ke kampung Seri Purnama.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran agar seseorang itu bersikap amanah terhadap perkara yang dipertanggungjawabkan kepadanya.
3. **Peristiwa ibu atau umi Haiqal yang tidak membenarkan hasrat Haikal untuk pergi ke kampung arwah ayahnya.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar anak-anak taat akan perintah ibu bapa atau tidak mementingkan diri sendiri.
4. **Peristiwa Ratna membantu ibunya menguruskan gerai makanan di Pantai Batu Buruk, Terengganu.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar anak-anak membantu ibu bapa dalam pelbagai perkara.
5. **Peristiwa Cikgu Amirulnizam telah menumpangkan anak-anak Tauke Ong, iaitu Ai Ling dan Ai Ching untuk pergi ke sekolah kerana bateri kereta Tauke Ong rosak.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar membantu orang yang mengalami kesulitan.

6. **Peristiwa kehadiran umi, walid dan Nurul Asiyah semasa Haiqal membuat persembahan tarian zapin jincat di balai raya Kampung Seri Purnama.**
- Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca supaya semua ahli keluarga memberikan sokongan moral kepada anak-anak.

Novel Di Sebalik Dinara

1. **Peristiwa Azraai memasang *retinal scanner* dan *interkom* di rumah Farisha yang bersambung ke rumahnya bagi menjaga keselamatan Farisha.**
 - Peristiwa ini telah menimbulkan kesedaran kepada pembaca supaya sentiasa menjaga hubungan yang baik antara adik-beradik
2. **Peristiwa Farisha dibawa keluar dari hospital oleh Azraai kerana ada orang yang ingin menculiknya. Medina telah mengupah Farid dan Amin untuk menculik Farisha supaya Medina dapat berjumpa dengan Farisha.**
 - Peristiwa ini telah menimbulkan kesedaran kepada pembaca supaya menjaga keselamatan ahli keluarga pada setiap masa.
3. **Peristiwa semua orang bergegas ke rumah Karl dan diberikan peluang untuk berjumpa dengan Karl bergilir-gilir buat kali terakhir.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar memberikan penghormatan kepada orang yang akan meninggal dunia.
4. **Wanita yang ditemui oleh Farisha di Lapangan Terbang Senai tidak sepatutnya bercakap di telefon dengan suara yang kuat sehingga mengganggu orang sekelilingnya.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar tidak mementingkan diri sendiri ketika berada di tempat awam.
5. **Peristiwa Dr. Maxi dan Aqram menunaikan wasiat terakhir Karl supaya mayatnya dibakar, dan abunya ditabur di Selat Melaka.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar menunaikan amanah yang telah diberikan.

Novel Bimasakti Menari

1. **Peristiwa Tan Sri Muhaimin dan Pn Maryam Wickham Abdullah yang mementingkan kerjaya masing-masing dan keras hati sehingga bercerai menyebabkan mereka berpisah dengan anak tunggal mereka Muhamad Taufik**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca supaya ibu bapa perlu menjaga keharmonian rumah tangga khususnya hubungan dengan anak agar hidup lebih bahagia.
2. **Peristiwa Dato Johan Arlington Majid berdendam dengan Tan Sri Muhaimin yang berjaya memiliki Maryam Wichkam. Selain itu, dia akan kehilangan tender pemasangan lampu di Kuala Selangor**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran agar seseorang itu tidak boleh membiarkan perasaan dendamnya membelenggu kehidupannya. Kita mestilah reda dengan ketentuan Ilahi/ dengan mengambil sikap berlapang dada.
3. **Peristiwa Muhamad Taufik telah pergi ke stesen minyak Petronas untuk menemui lelaki yang tidak dikenali seorang diri dan akhirnya menyebabkan dia telah diculik.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca supaya sentiasa berhati-hati dan berwaspada sepanjang masa untuk menjaga keselamatan diri.
4. **Peristiwa Nurul Hafsa kecewa kerana hanya dapat melihat enam ekor kelip-kelip di sungai Kampung Kuantan.**
 - Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca bahawa kita perlu menjaga alam sekita agar tidak berlaku kemusnahan habitat haiwan.
5. **Peristiwa Pn. Wickham telah berkirim salam dengan Tan Sri Muhaimin dan memasak untuk mereka bertiga sebelum pulang mengikut rombongannya walaupun telah bercerai dengan Tan Sri Muhaimin.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca bahawa kita perlu menjaga hubungan kekeluargaan walaupun berlaku masalah dalam rumah tangga agar hubungan tetap erat.
6. **Peristiwa Tan Sri Muhaimin dan Mariam Wickham merujuk dan berkahwin semula untuk kali kedua demi Muhammad Taufik.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca bahawa kita haruslah berfikir dengan rasional dan memilih keputusan terbaik demi kebahagiaan orang yang disayangi
7. **Peristiwa Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa melakukan pelbagai tindakan seperti cuba mengurangkan pencemaran cahaya di Kuala Selangor dan membina Rumah Tekno Alam .**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca bahawa alam yang dianugerahkan tuhan perlu dijaga dan dipelihara oleh setiap individu demi kelangsungan hidup generasi akan datang

Novel Pantai Kasih

1. **Peristiwa Dr. Raiha bertegas tidak mahu menggugurkan kandungannya walaupun telah dipaksa oleh suaminya.**
 - Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar kita mesti menjaga dan mengasuh anak dengan baik kerana anak merupakan anugerah Allah.
2. **Peristiwa Sister Felicia Landosi mengambil /mencuri ubat batuk dalam dos yang berlebihan dari farmasi Pusat Rawatan Patai Kasih.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca bahawa kita perlu berfikir dengan rasional jika menghadapi masalah dan janganlah mengambil tindakan yang memudaratkan diri dan orang lain.
3. **Peristiwa Sister Felicia Landosi telah meminta maaf daripada Dr. Raiha kerana pernah bersubahat atas kematian rahayu. Dia rasa bersalah dan telah menyesal atas perbuatannya.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca bahawa jalan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah adalah dengan berterus terang dan saling memaafi antara satu sama lain.
4. **Peristiwa Ibu Unong Siron telah menghabiskan wang pampasan kemalangan atas Unong Siron untuk merawat dan menyembuhkan penyakit anaknya.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kerana seorang ibu sanggup berkorban melakukan apa-apa sahaja yang terbaik untuk anak-anak mereka.
5. **Peristiwa Doktor Raiha prihatin dengan nasib Unong Siron. Baginya pembedahan kali ke-6 tidak sepatutnya berlaku, apatah lagi pembedahan tersebut dilakukan oleh doktor pakar.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar kita tidak mengambil kesempatan dan mementingkan keuntungan semata-mata atas kesusahan orang lain.
6. **Peristiwa Dr Sadiz bertindak membakar kereta mewahnya kerana marah akan isterinya yang menghalang niatnya untuk menghantar Rahayu ke asrama**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar kita hendaklah berfikir secara rasional dalam melakukan sesuatu tindakan. Selain itu, kita hendaklah mampu mengawal marah yang akan merugikan diri sendiri.
7. **Peristiwa Raiha tekun dan belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-citanya menjadi seorang doktor.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar berusaha bersungguh-sungguh dalam mencari ilmu agar cita-cita kita tercapai
8. **Peristiwa Dr Raiha merawat Unong Siron yang mengalami sakit di sendi tulang pinggulnya dan melakukan pembedahan kali keenam dengan penuh bertanggungjawab.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca supaya kita mesti menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh amanah.

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. **Peristiwa Leftenan Adnan dan Kompeni C Askar Melayu berjuang sehingga ke titisan darah yang terakhir di Bukit Candu meskipun dalam keadaan kekurangan senjata dan peluru.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca supaya sentiasa mengutamakan kedaulatan negara melebihi kepentingan sendiri.
2. **Peristiwa Leftenan Adnan menghantar isteri dan anak-anaknya pulang ke Kampung Sungai Ramal setelah mendengar khabar bahawa Tentera Jepun sedang mara ke Singapura.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca supaya sentiasa melindungi keluarga daripada sebarang ancaman yang datang.
3. **Peristiwa Adnan memenangi Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris di sekolahnya biar pun sering diejek oleh rakan-rakannya kerana tidak fasih berbahasa Inggeris.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya.
4. **Peristiwa Pak Saidi menghantar Adnan ke sekolah Inggeris walaupun mendapat tentangan daripada penduduk kampung.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar menuntut ilmu demi masa depan walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.
5. **Peristiwa Pak Saidi sanggup berlawan dengan tentera Jepun yang datang ke Kampung Sungai Ramal untuk mencari keluarga Leftenan Adnan.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar kita hendaklah berani mempertahankan keselamatan ahli keluarga.

Novel Tirani

1. **Peristiwa Raidah, ibu Waheeda berusaha dan sanggup pergi ke Singapura semata-mata, untuk menemani anak gadisnya itu menjalani pembedahan mata dan hidung di Silicon Madical Center (SMC), Singapura.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca supaya mengamalkan nilai kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga.
2. **Peristiwa Waheeda bijak mengatasi masalah kemurungannya dengan mendapatkan rawatan khidmat pakar kaunseling Dr.Qamariah di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) Kuala Lumpur.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar mencari ikhtiar dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.
3. **Peristiwa Waheeda mendapat khidmat kawannya Nurjihan untuk menyerahkan sampel rambut suami, Izzat dan dirinya sendiri untuk membuat ujian DNA bagi membuktikan bahawa Izzati adalah anak kandung mereka.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar hendaklah bijak dalam mencari jalan menyelesaikan masalah.
4. **Peristiwa Zahid mengakui kesalahannya dan menangis teresak-esak kerana menyesal atas perbuatan lampaunya menceraikan Waheeda sewaktu bertemu semula di Chalet Aya Sajinah, Cameron Highlands.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar mengakui kesalahan yang pernah dilakukan bagi memulihkan keadaan.
5. **Peristiwa Bazilah membenarkan Waheeda tinggal bersama-sama dengannya ketika Waheeda mendapatkan rawatan di Singapura Medical Center (SMC).**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar menghargai hubungan persahabatan yang telah terjalin.

Novel Jendela Menghadap Jalan

1. **Peristiwa ibu Lili yang berkeras mahu menghantarnya ke kampung dengan alasan yang pelbagai.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa patuh akan suruhan ibu dan percaya perancangan ibu pasti mempunyai hikmah disebaliknya.
2. **Peristiwa Lili memaafkan kesalahan Rafik dan Haziq yang telah menculiknya, walaupun tindakan mereka itu tidak baik.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar tidak menyimpan dendam.
3. **Peristiwa datuk Lili menyembuhkan penyakit Puan Letchumi, ibu Geetha dengan menggunakan rawatan tradisional melalui penggunaan herba.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar bersedia membantu sesiapa sahaja yang menghidap penyakit dengan perubatan tradisional.
4. **Peristiwa Lili, Geetha dan Danel mewakili golongan remaja yang bekerjasama untuk menyelesaikan masalah orang-orang kampung yang kurang bersetuju dengan pembinaan masjid baharu,**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar saling bantu membantu tanpa mengira bangsa untuk menyelesaikan masalah.
5. **Peristiwa anak-anak Che Jah iaitu Rafik dan Haziq suka mencuri harta benda penduduk kampung dan terlibat dalam penagihan dadah.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa menjaga disiplin diri dan tidak terlibat dengan gejala negatif.

Novel Songket Berbenang Emas

1. **Penduduk kampung membina rumah Embong semula, setelah rumah musnah dilanda banjir.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar saling bantu membantu ahli masyarakat yang dilanda musibah.
2. **Peristiwa Nek Kiah akhirnya insaf akan sikapnya terhadap keluarga Dahlia apabila Dahlia dan emaknya banyak membantu beliau ketika sakit berbanding anak-anaknya yang lain.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar menginsafi kesilapan yang pernah dilakukan.

3. **Peristiwa Dahlia sanggup berkorban dengan keluar dari asrama kerana ingin menguruskan adik-adiknya yang masih kecil setelah ibunya dimasukkan ke hospital akibat kemurungan.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar sanggup berkorban dan lebih mengutamakan kepentingan keluarga daripada kepentingan dirinya sendiri.
4. **Peristiwa Tauke Lim menyumbangkan barang-barang keperluan untuk Majlis Maulidil Rasul yang diadakan di Kampung Parit Haji Rais, walaupun dia berbangsa Cina.**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar saling bantu membantu tanpa mengira agama dan keturunan.
5. **Dahlia amat menghargai kain songket berbenang emas berwarna merah yang dihadiahkan oleh Azhari**
 - Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar menghargai apa-apa sahaja pemberian orang lain kepada kita supaya dapat memupuk hubungan yang baik sesama kita.

Panduan Pemarkahan bagi Soalan 4(b)

- (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri **3 markah** untuk **satu** peristiwa yang memaparkan **nilai kebijaksanaan** yang terdapat dalam setiap novel.
- (iv) Peristiwa yang dipaparkan mestilah **jelas**, mengandungi **watak, latar tempat atau latar masa**.
- (v) Jika calon hanya menyatakan **peristiwa secara umum**, beri **1 markah** sahaja.
- (vi) Markah isi, maksimum 6 markah.
- (vii) Markah bahasa, maksimum 2 markah.
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.

[Maksimum:8 markah]

Novel Silir Daksina

1. Peristiwa Haiqal menyimpan manuskrip di sebuah laci berkunci di dalam almarnya kerana bimbang Mak Lijah pembantu rumahnya atau umi mengetahui manuskrip itu setiap kali masuk ke dalam biliknya.
2. Peristiwa Haiqal telah pergi ke Kampung Seri Purnama, Parit Raja untuk mengetahui lebih lanjut tentang diri ayahnya. Langkah ini diambil kerana Haiqal mendapat maklumat tentang diri ayahnya apabila membaca manuskrip yang diterimanya.
3. Peristiwa Haiqal ditawarkan melanjutkan pelajaran ke salah sebuah universiti di Sarawak. Hal ini menunjukkan bahawa Haiqal mempunyai kebijaksanaan dalam pelajaran.
4. Peristiwa Ratna menguruskan gerai makan ibunya di Pantai Batu Buruk untuk mendapat pengalaman sebelum membuka perniagaan sendiri. Hal ini menunjukkan Ratna bijak menimba ilmu pengetahuan dalam bidang perniagaan.
5. Peristiwa Umi yang telah berkahwin dengan Abdul Fatah selepas bercerai dengan Abdullah bin Kayan kerana mempunyai minat yang sama dalam bidang perniagaan. Hal ini menunjukkan bahawa Umi bijak merancang masa hadapannya.
6. Peristiwa Tauke Lim meraih atau menjual hasil-hasil kampung dan mengambil upah menoreh getah di kebun ayah Cikgu Amirulnizam bagi mencari sumber pendapatan untuk keluarganya.

Novel Di Sebalik Dinara

1. Peristiwa Aqram telah mengambil bekas minuman Farisha untuk menjalankan ujian DNA. Air liur Farisha yang diuji menunjukkan bahawa Farisha ialah orang yang dicari. Setelah diuji untuk kali kedua di makmal Dr. Maxi, telah sah bahawa Farisha ialah orang yang dicari. Hal ini menunjukkan Aqram bijak menyelesaikan masalah.
2. Peristiwa Azraai telah memasang alat *retinal scanner* di pintu apartmen Farisha untuk menjaga keselamatan Farisha daripada perkara yang tidak diingini. Hal ini menunjukkan Azraai bijak menjaga keselamatan ahli keluarganya.
3. Peristiwa Aqram yang telah mencari Farisha sejak sebulan yang lalu atas arahan Dr. Maxi telah menggunakan kesempatan untuk membaca fikiran Farisha dengan menggunakan *penetrator* yang dibekalkan oleh Dr. Maxi. Setelah memegang *penetrator* untuk menulis alamat e-mel Aqram, tindak balas berlaku. Farisha berasa pening kerana ada cahaya yang menyambar. Kini, Aqram dapat membaca sedikit fikiran Farisha. Data yang diperoleh daripada fikiran Farisha ialah Farisha tidak yakin dengan tawaran projek. Hal ini menunjukkan Aqram bijak untuk melaksanakan tanggungjawab yang diberikan oleh Dr. Maxi.
4. Peristiwa Farisha telah meminta bantuan Shida untuk menumpangkannya ke stesen monorel kerana kereta Rosman telah rosak. Farisha ingin menghadiri simposium di Hotel Renaissance dan berjanji untuk menaiki kereta Rosman. Hal ini menunjukkan Farisha bijak menyelesaikan masalah yang dihadapinya.
5. Peristiwa Farisha dan Rosman tidak terus menerima tawaran projek mini daripada Syarikat Soflilab kerana ingin mendapatkan nasihat dan pandangan daripada Azraai. Setelah mendapat nasihat daripada Azraai yang berpengalaman dalam perniagaan baru mereka menerima tawaran tersebut. Hal ini menunjukkan mereka bijak membuat keputusan.

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. Peristiwa Leftenan Adnan bijak mengesan helah tentera Jepun yang menyamar sebagai tentera India dengan memakai turban ketika menyerang askar Melayu di Pasir Panjang. Kebijaksanaan Leftenan Adnan ini telah berjaya menyelamatkan Askar Melayu daripada serangan tentera Jepun.
2. Peristiwa Sophia bijak mengisi masa lapang dengan mengajar anak-anak di kuarters tentera mengaji pada waktu petang. Usaha Sophia ini dapat mengelakkan beliau daripada merasa sunyi sewaktu Leftenan Adnan keluar bertugas.
3. Peristiwa penduduk Kampung Sungai Ramal menyembunyikan maklumat tentang keluarga Leftenan Adnan daripada pengetahuan tentera Jepun. Peristiwa ini telah berjaya melengahkan usaha tentera Jepun dan membolehkan Sophia dan anak-anaknya lari menyelamatkan diri.

4. Peristiwa Pak Saidi menyembunyikan maklumat tentang asal usul datuk mereka yang berketurunan pahlawan agar mereka tidak dicari oleh musuh. Tindakan Pak Saidi ini telah berjaya menyelamatkan keluarganya.

Novel Tirani

1. Peristiwa Waheeda Nurlyana membuat pinjaman daripada tabung usahawan siswazah, Bank Pembangunan untuk membeli Chalet Iwana Iwani kepunyaan Pak Cik Aziz. Tindakan Waheeda ini telah berjaya mengembangkan lagi perniagaan milik keluarganya.
2. Peristiwa Waheeda bijak mengatasi masalah kemurungannya dengan mendapatkan rawatan khidmat pakar kaunseling Dr. Qamariah di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) Kuala Lumpur.
3. Peristiwa Waheeda mendapat khidmat kawannya Nurjihan untuk menyerahkan sampel rambut suami, Izzat dan dirinya sendiri untuk membuat ujian DNA di Makmal Spektro Kimia, Kuching bagi membuktikan bahawa Izzati adalah anak kandung mereka.
4. Peristiwa Waheeda menyediakan pakej pelancongan yang berbentuk ekopelancongan dan agropelancongan sebagai promosi untuk menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke Chalet Tajau Emas milik keluarganya.
5. Peristiwa Waheeda meminta Izzati menggantung Kain Pua Kumbu Sarawak di atas pintu masuk Restoran Iwani dan Kafe Iwani di Chalet Aya –Sajinah, Cameron Highlands untuk mengekalkan budaya dan warisan peribumi Sarawak. Emak Waheeda iaitu Raidah pula menyediakan hidangan tradisional masyarakat Sarawak contohnya pansuh manok, terubuk panggang, dan bubur pedas untuk hidangan para tetamu yang menginap di chalet mereka.
6. Peristiwa Waheeda memilih untuk mengenakan pakaian Cheongsam Brooked Merah ketika menyertai Pertandingan Ratu Pelancongan Antara bangsa yang akan diadakan pertengahan bulan, di The Four Seasons Hotel. Ternyata strategi Waheeda telah berjaya menambat hati para juri apabila diumumkan sebagai pemenang.

Novel Songket Berbenang Emas

1. Peristiwa Dahlia bijak menguruskan masa untuk mengulang kaji pelajaran dan menjaga adiknya, walaupun hidup dalam kemiskinan. Dahlia tetap mengutamakan pelajarannya dengan meminjam nota dan bertanyakan kepada Kavita dan Siti Wangi walaupun terpaksa membantu ayahnya menguruskan rumah tangga setelah ibunya di hantar ke hospital untuk menerima rawatan.
2. Peristiwa Azhari menghadiahkan sepasang kain songket berbenang emas kepada Dahlia sebagai tanda kenang-kenangan dan simbolik kepada Dahlia agar sentiasa mengingati asal-usulnya sebagai orang Melayu sewaktu berada di Jepun nanti.

3. Peristiwa Kavita bertanggungjawab untuk membantu Dahlia agar tidak ketinggalan dalam pelajaran dengan menyalinkan nota untuk diberikan kepada Dahlia sepanjang ketiadaan Dahlia di sekolah. sebagai seorang sahabat, Kavitha bertindak demikian kerana tidak mahu Dahlia tertinggal dalam pelajarannya
4. Peristiwa Dahlia terjun ke dalam sungai yang berarus deras dan berkeladak berhampiran rumahnya untuk menyelamatkan Said yang tiba-tiba lemas. Dia bagaimanapun gagal menyelamatkan Said yang telah lemas. Dahlia berjaya menjumpai Said di dasar sungai dan dapat mengelakkan daripada terus dihanyutkan oleh arus sungai yang deras.

Novel Jendela Menghadap Jalan

1. Peristiwa Geetha dan Danel membantu Lili menyelesaikan masalah kubah surau di Kampung Sentosa yang hilang. Penduduk kampung menuduh Haziq dan Rafiq yang telah mencuri kubah tersebut. Namun setelah disiasat, sebenarnya kubah itu telah dicuri oleh Seman.
2. Peristiwa Lili bijak menangani kes keganasan rumah tangga yang dilakukan oleh Seman terhadap isterinya, Che Jah dan anak-anak dengan cara menceritakan masalah tersebut kepada Kak Mimah, Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat.
3. Peristiwa ibu Lili meminta Lili pulang ke kampung datuknya seorang diri. Pada mulanya Lili tidak mahu pulang ke kampung ibunya kerana masa cutinya telah diaturkan dengan pelbagai aktiviti bersama rakan-rakannya. Akhirnya, Lili akur kerana dia percaya setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya dan dia perlu patuh akan kehendak ibunya. Sebenarnya, Ibu Lili mahu Lili rapat dengan datuk dan neneknya serta belajar hidup berdikari.
4. Peristiwa kejayaan Danel menyiapkan artikel 'Segalanya Tentang Pisang'. Daniel telah berjaya menyiapkan berbelas-belas artikel tentang pisang dalam sebuah buku. Daniel bijak memanfaatkan peluang sewaktu berada di kampung untuk menghasilkan artikel tentang pisang.
5. Peristiwa atuk menceritakan sebab jendela pada rumah-rumah di kampung tersebut dibina menghadap jalan. Rupa-rupanya jendela menghadap jalan merupakan satu strategi masyarakat Kampung Sentosa untuk mengintip pergerakan tentera Jepun.

Novel Pantai Kasih

1. Peristiwa Raiha bijak dalam pelajarannya untuk mencapai cita-citanya sebagai pakar bedah seperti ayahnya juga. Walaupun ditentang oleh ayahnya, Raiha mempunyai matlamat hidup dan belajar dengan tekun hingga cita-citanya sebagai pakar bedah tercapai juga.
2. Peristiwa Sister Felicia yang berasal dari kawasan pedalaman di Inanam telah berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sehingga menjadi seorang jururawat di Hospital Kinabalu

3. Peristiwa Dr Uwang bijak menguruskan Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) yang diwarisi oleh ayahnya Datu Ontong . PRPK berjaya dibangunkan daripada sebuah hospital yang kecil sehinggalah maju serta memiliki pelbagai kelengkapan moden.

Novel Bimasakti Menari

1. Peristiwa Nurul Hafsa mengemukakan hujah bijak yang dapat diterima oleh kumpulan pengunjung Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor pada malam bintang tidak dapat dicerap dengan mata kasar akibat langit tidak menjadi gelap pada waktu malam.
2. Peristiwa Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman bijak mengatur pelbagai tindakan dalam berjuang untuk melestarikan alam sekitar. Mereka cuba memulihkan populasi kelip-kelip dan mengembalikan kegelapan langit di Kuala Selangor sebagai kawasan mencerap bintang. Mereka telah berusaha mendapatkan sokongan pihak kerajaan terhadap projek Kawasan Simpan Langit Gelap yang pertama di Asia Tenggara
3. Peristiwa pihak polis cuba mengecam van putih yang digunakan oleh penculik tersebut dengan bantuan CCTV, Malangnya, nombor pendaftaran kenderaan tersebut sukar dikesan kerana kabur. Tan Sri Muhaimin telah memaklumkan kepada Ketua Inspektor Lim tentang pesanan ringkas yang dihantar ke telefon bimbitnya yang memintanya menarik balik sebut harga Dedaun Emas jika tidak mahu menerima padah. Berita tengah hari yang membawa khabar tentang penculikan sensasi tersebut secara besar-besaran telah membuahkan hasil.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT